



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Akademi
Pembangunan PKS dan
Keusahawanan Malaysia
(MASMED)

M A S M E D U P D A T E S 2022

MALAYSIAN ACADEMY OF SME & ENTREPRENEURSHIP DEVELOPMENT

DagangNews.com

KPT, MASMED UiTM tingkatkan perniagaan usahawan mahasiswa menerusi Karnival Keusahawanan 2022



Oleh Dr Nurzaki Ikhsan

KUALA LUMPUR 1 Nov - Bertepatan dengan Dasar Keusahawanan Negara 2030 yang menyasarkan peningkatan jumlah para usahawan di Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) mengambil inisiatif menganjurkan Karnival Keusahawanan 2022.

Karnival tersebut merupakan kerjasama antara KPT dengan Akademi Pembangunan PKS dan Keusahawanan Malaysia Universiti Teknologi MARA (MASMED UiTM) dan Sektor Keusahawanan Pusat Pembangunan HEBAT Universiti Sains Malaysia (USM)

MASMED UiTM dalam satu kenyataan memaklumkan, karnival tersebut merupakan platform khas untuk pendedahan serta peluang kepada usahawan mahasiswa daripada pelbagai pertandingan keusahawanan anjuran KPT sepanjang tahun 2021 untuk meningkatkan lagi perniagaan dari pelbagai sudut.

"Karnival ini dibahagikan kepada dua sesi, iaitu sesi Kolaborasi Strategik Keusahawanan pada sebelah pagi dan Pamadanan Perniagaan pada sebelah petang.

"Para peserta didedahkan dengan taklimat daripada pelbagai agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dan agensi-agensi jemputan lain berkenaan peranan, latihan dan bimbingan yang disediakan.

"Antara agensi-agensi yang hadir adalah seperti Tekun Nasional, SME Corp, SME Bank, Bank Rakyat, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, The Malaysian Research Accelerator for Technology & Innovation (MRANTI), Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), SIRIM dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade)," katanya.

Terdahulu, karnival itu dirasmikan oleh Timbalan Setiausaha Bahagian Bahagian Perancangan Strategik KPT di UiTM Machang, Nooraidah Abdullah.

Artikel Dr. Nurzaki Ikhsan, Koordinator Inkubator Perniagaan yang dipaparkan di portal DagangNews.com dengan tajuk "KPT, MASMED UiTM tingkatkan perniagaan usahawan mahasiswa menerusi Karnival Keusahawanan 2022".



KOMPLEKS USAHAWAN